

# **bangau Menipu Ikan**



# prakata

Assalamualaikum dan salam sejahtera, saya Nur Athirah binti Che'Zambeli ingin mengambil peluang menzahirkan rasa terima kasih kepada semua yang membantu saya dalam menyiapkan tugasan e-book ini terutama sekali kepada pensyarah saya iaitu Dr Low Hui Min yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dan juga terima kasih kepada rakan-rakan yang berkongsi idea dan pendapat tentang tugasan ini. Syukur ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya dapat juga saya menyiapkan ringkasan buku cerita e-book ini dengan baik.

Buku cerita ini sangat menarik dan mudah difahami oleh kanak-kanak yang berusia 5 tahun ke atas. Fokus e-book ini adalah untuk membantu kanak-kanak dapat memahami dengan baik makna semantik dan menguasai kosa kata. E-book ini juga membantu kanak-kanak memahami emosi dalam berkomunikasi dengan orang sekeliling.



**Di tepi hutan, terdapat sebuah kolam. Airnya sudah hampir kering. Semua ikan berasa susah hati.**



**Kita perlu dapatkan bantuan.  
Jika tidak, kita akan mati.**

**Air kolam ini hampir kering.  
Kita dalam bahaya. Saya amat  
risau dan sedih.**

**Pada suatu hari, datang seekor burung bangau.  
Bangau berpura-pura mahu menolong ikan.  
Semua ikan bersetuju. Mereka sangat gembira.**





**Kamu semua boleh berpindah ke kolam lain. Kolam itu tidak kering**

**Wah, terima kasih bangau.**



**Bangau menolong ikan berpindah dari situ.  
Seekor demi seekor ikan itu dibawanya pergi.**





**Tetapi, semua ikan itu dimakan bangau.**




**Kemudian, tibalah giliran ketam untuk berpindah.**

**Ketam itu dibawa pergi oleh bangau.**

**Terkejutlah ketam apabila melihat tulang ikan.**

**Ketam tahu bangau itu penipu. Ketam sangat marah dengan bangau.**





**Si bangau telah menipu kami.  
Aku harus selamatkan diri.**



**Bangau mahu makan ketam pula.  
Tetapi ketam segera menyepit  
leher bangau. Matilah bangau itu.**

# Kosa kata

## Objek

1. Bangau
2. Ikan
3. Ketam
4. Tulang ikan
5. Kolam
6. Hutan

## Emosi

1. Susah hati
2. Risau
3. Sedih
4. Gembira
5. Marah

## Kata Kerja

1. Menolong
2. Berpindah
3. Makan
4. Menipu
5. Menyepit